

**PEJABAT PELAJARAN DAERAH JASIN,
77000 JASIN, MELAKA**

Pejabat Am : 06-5292878 / 06-5292664 / 06-5296901
Faksimili : 06-5291037 (PENTADBIRAN)
: 06-5293932 (KEWANGAN)
E-mail : ppdjasin@ppdjasin.edu.my
Laman Web : http://www.ppdjasin.edu.my



Ruj. Kami:PPDJ.UPPK.KOKU-700-15/9(1)
Tarikh :17 Jun 2010

**Guru Besar,
Sekolah Rendah Daerah Jasin,
77000 Jasin, Melaka.**

Tuan,

**SURAT PERMOHONAN KEMASUKAN KE TINGKATAN SATU SEKOLAH SENI MALAYSIA
AMBILAN 2011**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan berkaitan.


2. Sukacita dimaklumkan bahawa Sekolah Seni Malaysia iaitu Sekolah Seni Kuching, Sarawak dan Sekolah Seni Johor Bahru telah membuka permohonan kemasukan murid ke tingkatan satu untuk sesi ambilan 2011. Permohonan ini terbuka kepada semua murid tahun enam tahun 2010 terutama kepada mereka yang terlibat secara aktif dalam kegiatan aktiviti seni dan budaya di sekolah, daerah dan negeri.
3. Bersama-sama ini disertakan borang permohonan kemasukan murid ke sekolah seni Malaysia KPM. Diharap tuan dapat memperbanyakkan borang tersebut mengikut bilangan yang diperlukan oleh murid sekolah tuan.
4. Sehubungan dengan itu, pihak kami memohon kerjasama tuan untuk menghebahkan maklumat ini seterusnya melengkapkan dokumen yang diperlukan sebelum dihantar ke PPD Jasin selewat-lewatnya pada atau sebelum **28 Jun 2010**.

Segala kerjasama dan sokongan yang pihak tuan berikan amatlah dihargai.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,


(JUMAT BIN MAT LANI)
Ketua penolong
Pegawai Pelajaran Daerah Jasin

S.k. 1. Ketua Unit PK PPD Jasin.